

Ucapan Oleh YAB Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, Diupacara Peresmian Seminar 'Perkembangan Perusahaan Makanan Di-Malaysia' Anjuran Kajian Sains Gunaan, Pada 1hb. Mac, 1977, Jam 9.00 Pagi, Bertempat Di Dewan Besar ITM, Shah Alam.

(Disampaikan Oleh Datuk Abdul Kadir bin Talib, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran).

Ingin saya mengucapkan tahniah terutamanya kepada Instituti Teknologi MARA dan khususnya kepada Kajian Sains Gunaan kerana menganjurkan seminar 'Perkembangan Perusahaan Makanan Di Malaysia.' Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan telah sedia maklum akan objektif seminar ini adalah merupakan sebuah sumbangan kepada negara dalam usaha meninggikan serta menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan samada bagi memenuhi keperluan dalam negeri atau luar negeri. Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa semakin pembangunan berjalan dengan lebih pesat semakin besarlah keperluan kita untuk kemajuan dan pembangunan negara.

Saya kira seminar 'Perkembangan perusahaan Makanan di Malaysia' memanglah tepat memandangkan negara kita sekarang adalah sebuah negara yang sedang membangun, dan memberi keutamaan kepada perusahaan yang berasas kepada pertanian dan pengeluaran makanan. Sikap untuk berdikari dalam menghasilkan bahan-bahan makanan adalah satu perkara yang mesti diutamakan dalam rancangan pembangunan bagi tahun-tahun yang akan datang. Usaha-usaha seperti ini adalah selaras dengan kehendak dasar ekonomi baru.

Kerajaan telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk mengimport bahan-bahan makanan dari luar negeri bagi mengatasi masalah kekurangan bahan makanan yang sedia ada dalam negeri. Maka tujuan berdikari dalam menghasilkan lebih banyak bahan-bahan tersebut disamping itu juga bagi menyelamatkan tukaran mata wang asing. Dalam hal ini kita harus menyedari bahawa untuk mencapai matalamat ini kerjasama yang baik diperlukan antara kerajaan dengan pihak-pihak swasta, dalam mendirikan kilang-kilang yang lebih banyak akan memberi kesan yang baik dengan memberi peluang pekerjaan kepada graduan-graduan kursus Teknologi Makanan dan orang lain.

Pengimport biasanya mengimport bahan-bahan makanan yang sudah siap untuk dipasarkan. Cara ini akan memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan terpaksa pula dijual dengan harga yang tinggi. Untuk

itu sekarang kita harus memberi perhatian penuh kepada potensi penghasilan bahan-bahan makan tempatan, umpamanya daging lembu (corn beef). Bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri disamping negara pertanian, maka kerajaan bersedia memberi kemudahan-kemudahan serta membuka peluang seluas-luasnya pada pihak-pihak swasta untuk melaburkan modal-modal mereka dibidang perusahaan ini.

Bagi mencapai matlamat ini, maka diperlukan lebih banyak lagi daerah-daerah pertanian yang harus dijadikan kawasan ternakan dan juga kawasan ladang buah-buahan, Kawasan-kawasan ini harus diperluaskan bagi menghasilkan bahan mentah yang dapat menjamin penghasilan bahan-bahan makanan. Pihak-pihak swasta patut diberi galakan bagi menyelenggara ladang-ladang untuk ditanam dengan tumbuhan yang menghasilkan bahan-bahan makanan mengikut kehendak masing-masing.

Sebagaimana yang kita ketahui, buah-buahan di Malaysia biasanya mempunyai musim tertentu. Maka untuk mengelak masalah kekurangan bahan ini di sepanjang tahun, pengusaha-pengusaha tempatan boleh memproses buah-buahan ini supaya dapat tahan lebih lama dengan cara mengering ataupun diproses menjadi pati atau halwa.

Satu perkara yang perlu ditekan awal-awal lagi ialah kejayaan perusahaan makanan tidak semata-mata bergantung kepada pengetahuan memproses tetapi juga pengetahuan mengurus perusahaan perkilangan dan kebolehan dari segi pemasaran. Oleh itu aspek kos, management dan lain-lain mesti dimasukkan dalam pelajaran dan apa juga kursus atau seminar yang diadakan.

Kerajaan sentiasa meneliti dan mengadakan kawalan terhadap pengusaha-pengusaha makanan supaya mutu barang-barang yang dikeluarkan oleh Malaysia dapat dipasarkan di luar negeri tanpa menimbulkan keraguan. Banyak penyelidikan-penyelidikan telah dilakukan oleh badan-badan tertentu seperti MARDI, Majuternak dan lain-lain. Dalam bidang penghasilan bahan-bahan makanan ini, pelabur-pelabur modal perlu diberi peluang untuk mengkaji serta menganalisa hasil penyelidikan yang dibuat oleh pakar-pakar dibidang teknologi makanan supaya para pengusaha dapat melicinkan lagi usaha mereka dalam kontek memperbaiki ekonomi negara.

Satu lagi aspek penting dalam pengeluaran bahan-bahan makanan ialah dengan cara mengawet buah-buahan yang berlebihan dimusim-musim tertentu. Ini bertujuan mencegah kerosakan bahan-bahan tersebut dan juga dapat mestabilkan para peladang. Pengawetan terhadap bahan-bahan seperti ini haruslah dilakukan dengan cara yang lebih moden.

Oleh itu saya percaya bahawa didalam seminar ini minat yang lebih dalam akan timbul mengenai hal-hal tersebut supaya kita semua akan menjadi lebih giat dalam menghadapi kepentingan-kepentingan negara. Saya suka mengucapkan tabhiah sekali lagi kepada pihak penganjur seminar ini yang telah memilih tajuk yang begitu sesuai untuk diperbincangkan. Dengan itu saya dengan segala sukacitanya meresmikan pembukaan seminar ini.